

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YBHG. PROF. DATUK DR. MOHD HARUN ABDULLAH  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**sempena**

**MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT UMS  
1438H/2017M  
TARIKH: 18 FEBRUARI 2017 (SABTU)  
MASA: 8.00 MALAM  
TEMPAT: DATARAN DEWAN CANSELOR, UMS**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Satu Malaysia, Selawat dan salam ke  
atas junjungan Nabi Muhammad SAW.

## **Salutasi**

(*Senarai salutasi terkini akan dimaklumkan*)

Dekan-Dekan, Ketua-ketua Jabatan, Para Pensyarah, Kakitangan dan Pelajar UMS, Sahabat Media, Tuan-tuan dan Puan-puan serta Para Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT., pemilik Arasy yang agung, pemilik seluruh jiwa dan kehidupan. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran dan segala puji-pujian kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpahan kasih sayang-Nya, maka dapatlah kita bersama-sama pada malam yang indah ini sempena Majlis Perasmian Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti Malaysia Sabah 1438H/2017M.

## **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Bagaimana caranya untuk kita meraikan dan memperingati hari kelahiran Nabi Muhammad SAW? Hadirkanlah dalam jiwa kita tanda cinta kepada Rasulullah SAW. Kita selusuri dan jadikan iktibar sirah hidup Rasulullah SAW. Contohi kehebatan akhlak dan keagungan peribadi baginda, kita hidupkan sunnah baginda sebagai panduan dalam amalan hidup sehari-hari, kita lahirkan generasi yang meneruskan perjuangan Islam yang diajarkan oleh baginda,

kita teruskan amalan selawat bukan hanya untuk mengejar syafaat tetapi sebagai tanda ingatan kita sebagai pecinta kepada cinta kedua yang teragung selepas Allah SWT. Belajarlah mencintai baginda sebagaimana hebatnya kecintaan baginda terhadap kita, umat di zaman ini. Rasulullah SAW bersabda, *"Sesiapa yang berselawat kepadaku sekali, maka aku akan berselawat ke atasnya sepuluh (10) kali."* (Hadis Riwayat Al-Bukhari).

## **Hadirlin Yang Dirahmati Allah SWT,**

Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti Malaysia Sabah pada tahun ini adalah bertemakan "Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah". Tema yang digarap indah berpandukan sirah perjuangan Nabi Muhammad SAW sebagai salah satu suri teladan dalam kehidupan kita bermasyarakat pada hari ini. Kisah persaudaraan kaum Ansar dan Muhajirin yang berlaku sewaktu periswa penghijrahan umat Islam dari Kota Mekah ke Kota Madinah mengajar kita bahawa perbezaan kaum bukanlah penghalang kejayaan.

Rasulullah SAW menyatukan seluruh umat Islam di bawah panji keimanan dan hidup berjemaah. Bahkan, kegemilangan Islam diteruskan dengan penaklukan kota-kota besar dunia yang membuktikan bahawa Islam mampu menguasai dua pertiga dunia pada zaman kegemilangan atas dasar ukhuwah, keimanan dan kesatuan ummah. Kekuatan umat Islam dijana dengan kekuatan perpaduan yang mampu melahirkan keamanan dan kestabilan dalam institusi kekeluargaan, organisasi, masyarakat dan negara.

Dalam konteks hidup bermasyarakat terutamanya rakyat Negeri Sabah yang penuh diversiti dan kepelbagaian kaum, bangsa, bahasa, agama dan latar budaya menjadikan negeri ini cerminan jati diri sebenar kisah kehidupan rakyat Malaysia yang hidup aman damai dalam satu bumbung. Perpaduan dan keamanan menjadi tunjang dan nadi kepada pembangunan dan kestabilan yang dikecapi. Kerukunan ini dilatari dengan nilai kasih sayang dan persaudaraan yang tinggi merentas perbezaan pegangan dan fahaman agama.

Sepertimana firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 10 yang bermaksud: "*Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*" Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW juga bersabda: "*Perumpamaan seorang mukmin dengan seorang mukmin yang lain adalah seperti sebuah bangunan di mana sebahagiannya menguatkan sebahagian yang lain.*" (HR Muslim).

Ikatan silaturahim yang dibina umpama seberkas lidi yang keras dan payah untuk dipatahkan. Ibarat pepatah “Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”. Justeru, keamanan yang dikecapi hendaklah dipelihara daripada anasir-anasir luar yang mencemburui kerukunan yang kita miliki, yang sentiasa mencari ruang dan peluang untuk menimbulkan huru-hara dan kekacauan. Kekalkan sikap positif dan berlapang dada dalam banyak perkara. Kita hendaklah bersatu hati dan saling bergandingan tangan.

Musyawarah dan sentiasa bermuafakat untuk mencapai sesuatu keputusan. Kita elakkan perbalahan yang membawa keretakan kerukunan. Marilah kita bersama-sama menyemarakkan semangat dan sikap takaful iaitu saling membantu, ta’awun (saling menolong), dan tasamuh (saling menghargai dan bertoleransi) dalam kehidupan masyarakat kita yang berbilang kaum, bangsa dan agama.

Semangat dan sikap seumpama ini akan dapat menjana keikhlasan dan menyuburkan diri dengan rasa kasih dan sayang kepada saudara seagama dan bukan seagama. Kesempurnaan keimanan seseorang itu juga diukur dengan keikhlasan kita dalam mengasihi insan lain sebagaimana yang ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang mafhumnya: "*Tidaklah sempurna iman seseorang di antara kalian hingga dia mengasihi saudaranya seperti mana dia mengasihi dirinya sendiri.*" (HR Bukhari dan Muslim)

## **Hadirlin Yang Saya Muliakan,**

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti Malaysia Sabah bagi tahun 1438H/2017M. Semoga penganjuran Majlis Sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini menjadi penganjuran terbaik yang sentiasa diingati oleh warga universiti dan mendapat kerahmatan daripada Allah SWT.

Semoga hubungan silaturahim dan jalinan kerjasama yang terbina berkekalan dalam mengukuhkan lagi ikatan pemuaafakatan dan ukhuwah persaudaraan dalam kalangan warga UMS khususnya dan masyarakat sekitar UMS amnya. Bak kata pepatah, “Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti Malaysia Sabah pada tahun ini.

Sekian dan terima kasih.

Wassalam.